



Duta Besar Malaysia terima penghargaan Kazakhstan

Mohd Nasaruddin Parzi - Januari 16, 2023 @ 7:33pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia berusaha meningkatkan kerjasama perdagangan, pelancongan dan pendidikan di Kazakhstan bagi memanfaatkan potensi hubungan dua hala dengan bekas republik Kesatuan Soviet itu.

Duta Besar Malaysia ke Kazakhstan, Datuk Syed Bakri Syed Abd Rahman, berkata inti pati berkenaan turut dibincangkan dalam pertemuannya bersama Menteri Luar Negeri Kazakhstan, Mukhtar Tileuberdi pada 13 Januari lalu.

Syed Bakri yang dianugerahkan pingat 'Friendship Darjah Kedua', berdasarkan sumbangan besarnya terhadap hubungan Malaysia-Kazakhstan, berkata hampir 9,000 pelajar dari Kazakhstan sudah menamatkan pengajian di universiti Malaysia, manakala lebih 12,000 pelancong Kazakhstan melawat negara ini setiap tahun.

"Bagaimanapun, terdapat banyak potensi yang masih belum diterokai dan mesti direalisasikan pada tahun-tahun akan datang," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan, di sini hari ini.

Katanya, sepanjang berkhidmat sebagai Duta Besar Malaysia ke Kazakhstan sejak 2017, beliau sudah memudahcara syarikat-syarikat Malaysia dalam pelaburan mereka di negara itu, antaranya Simen Asia Tengah di Karaganda dan CaspiOilGas (COG) serta Emir Oil, kedua-duanya di wilayah Mangystau.

Beliau berkata, usaha itu sekali gus berupaya meneroka dan merangka proses bagi mengoptimumkan pelaburan syarikat Malaysia di negara terbabit.

"Pada masa sama, kedutaan sudah membantu syarikat Malaysia yang menunjukkan minat melabur di Kazakhstan dari segi bidang halal menerusi perniagaan global secara dalam talian, perbankan Islam dan kewangan.

"Harapan saya ialah hubungan baik ini akan terus berkembang dan diperkukuhkan demi kebaikan dua-dua negara dan rakyat masing-masing," katanya.

Dalam pada itu, Tileuberdi dalam kenyataan sama, turut menzahirkan penghargaan atas misi diplomatik Syed Bakri di Astana sepanjang enam tahun lalu.

Katanya, mereka menekankan isu kerjasama politik, perdagangan, ekonomi, kebudayaan serta kerjasama dua hala sempena ulang tahun ke-30 hubungan diplomatik Malaysia dan Kazakhstan.

Menteri Luar Negeri Kazakhstan itu juga menyatakan penghargaan atas sumbangan Syed Bakri terhadap kerjasama politik, perdagangan serta ekonomi kedua-dua negara.

Presiden Kazakhstan, Kassym-Jomart Tokayev dijadual mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia tahun ini selepas ditangguhkan tiga tahun lalu akibat pandemik COVID-19.